

SURAH TALAK



Surah: 65 Juzuk: 28 Bil. Ayat: 12

*Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,
lagi Maha Mengasihani.*

1. Wahai Nabi! Apabila kamu menceraikan isteri-isteri, maka hendaklah kamu ceraikan mereka pada masa yang sesuai idahnya, hitunglah masa idah itu, serta bertakwalah kepada Allah, Tuhan kamu. Janganlah kamu mengeluarkan mereka dari rumah kediamannya (sehingga selesai idahnya), dan janganlah pula membenarkan mereka keluar, kecuali (jika) mereka melakukan perbuatan keji yang nyata. Itulah hukum-hukum Allah, dan sesiapa yang melanggar hukum Allah maka sesungguhnya dia telah menzalimi dirinya sendiri. Engkau tidak mengetahui mungkin Allah akan mengadakan suatu ketentuan yang lain.
2. Maka apabila mereka (hampir) tamat tempoh idahnya, maka bolehlah kamu rujuk atau bebaskan mereka dengan cara yang baik, dan persaksikanlah dengan dua orang saksi yang adil di kalangan kamu dan hendaklah kamu tegakkan persaksian itu kerana Allah. Demikianlah peringatan itu diberikan kepada

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ إِذَا طَلَقْتُمُ النِّسَاءَ فَطَلِقُوهُنَّ
 لِعَدَّتِهِنَّ وَأَحْصُوا الْعِدَّةَ وَالْقَوْلُ اللَّهِ رَبُّكُمْ لَا
 تُخْرِجُوهُنَّ مِنْ بُيُوتِهِنَّ وَلَا يَخْرُجْنَ إِلَّا أَنْ
 يَأْتِيَنَّ بِفَحِشَةٍ مُّبِينَةٍ وَإِلَّا فَحُدُودَ اللَّهِ
 وَمَنْ يَعِدَّ حُدُودَ اللَّهِ فَقَدَظَمَ نَفْسَهُ لَا تَدْرِي
 لَعَلَّ اللَّهَ يُحْدِثُ بَعْدَ ذَلِكَ أَمْرًا ﴿١﴾

فَإِذَا بَلَغْنَ أَجَلَهُنَّ فَأَمْسِكُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ أَوْ
 فَارِقُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ وَأَشْهِدُوا ذَوَى عَدْلٍ مِنْكُمْ
 وَأَقِيمُوا الشَّهَادَةَ لِلَّهِ ذَلِكَ يُوعِظُ بِهِ مَنْ كَانَ
 يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ
 يَجْعَلْ لَهُ مَخْرَجًا ﴿٢﴾

sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat. Sesiapa yang bertakwa kepada Allah, pasti Allah akan memberikan jalan keluar untuknya (daripada kesusahan).

3. Dia (Allah) merezekikan kepadanya dari arah yang tidak disangka-sangka. Dan sesiapa yang bertawakal kepada Allah dengan penuh keimanan, maka Allah akan mencukupkan (keperluannya). Sesungguhnya Allah pasti melakukan setiap perkara yang dikehendakiNya. Allah telah menentukan kadar dan masa berlakunya setiap sesuatu.
4. Dan perempuan-perempuan yang putus haid, jika kamu ragu-ragu terhadap tempoh idah mereka maka idahnya ialah tiga bulan, dan (demikian) juga idah perempuan-perempuan yang tidak berhaid. Dan perempuan-perempuan yang hamil, tempoh idahnya ialah sehingga mereka melahirkan anak. Dan (ingatlah), sesiapa yang bertakwa kepada Allah, pasti Allah akan memudahkan segala urusannya.
5. Demikianlah ketetapan Allah yang diturunkan kepada kamu dan sesiapa yang bertakwa kepada Allah, pasti Dia akan menghapuskan kesalahannya, dan akan melipatgandakan ganjarannya.

وَيَرْزُقُهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ وَمَنْ يَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُ إِنَّ اللَّهَ بَالِغُ أَمْرِهِ قَدْ جَعَلَ اللَّهُ لِكُلِّ شَيْءٍ قَدْرًا ﴿٣﴾

وَالَّتِي يَدِينُ مِنَ الْمُحْبِضِ مِنْ نِسَائِكُمْ إِنْ أَرْبَبْتُمْ فَعِدَّتُهُنَّ ثَلَاثَةُ أَشْهُرٍ وَالَّتِي لَمْ يَحْضَنْ وَأُولَاتُ الْأَحْمَالِ أَجَلُهُنَّ أَنْ يَضَعْنَ حَمْلَهُنَّ وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلْ لَهُ مِنْ أَمْرِهِ يُسْرًا ﴿٤﴾

ذَلِكَ أَمْرُ اللَّهِ أَنْزَلَهُ إِلَيْنَا وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلْ لَهُ مِنْ أَمْرِهِ يُسْرًا وَيُؤْتِهِ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ وَمَنْ يَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُ إِنَّ اللَّهَ بَالِغُ أَمْرِهِ قَدْ جَعَلَ اللَّهُ لِكُلِّ شَيْءٍ قَدْرًا ﴿٥﴾

6. Tempatkanlah mereka (yang menjalani idahnya) itu di tempat kediaman yang sesuai dengan kemampuan kamu dan janganlah kamu menyakiti mereka dengan bertujuan menyusahkan mereka (supaya mereka keluar meninggalkan tempat itu). Dan jika mereka sedang hamil, maka nafkahkanlah kepada mereka sehingga mereka melahirkan anak. Jika mereka menyusukan anak bagi kamu, berikanlah upahnya kepada mereka, dan berundinglah di antara kamu dengan cara yang baik. Dan jika kamu mengalami kesulitan, maka perempuan lain boleh menyusukan anak itu (untuknya).

7. Orang yang mampu hendaklah menafkahkan mengikut kemampuannya. Sesiapa yang disempitkan rezekinya, maka hendaklah dia menafkahkan daripada apa yang diberikan Allah untuknya (sekadar yang mampu). Allah tidak membebani seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya. Allah akan memberikan kesenangan selepas kesusahan.

8. Dan bukanlah sedikit negeri yang penduduknya menderhaka kepada perintah Tuhan mereka dan para rasulNya, lalu Kami akan menghitung amalannya satu persatu dengan perhitungan yang

أَسْكُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ سَكُنْتُمْ مِنْ وُجْدِكُمْ وَلَا
نُضَارُوهُنَّ لِيُضَيِّقُوا عَلَيْهِنَّ وَإِنْ كُنَّ أُولَى حَمَلٍ
فَأَنْفِقُوا عَلَيْهِنَّ حَتَّى يَضَعْنَ حَمَلَهُنَّ فَإِنْ أَرْضَعْنَ
لَكُمْ فَآتُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ وَأَتَمِرُوا بِبَنَاتِكُمْ
بِمَعْرُوفٍ وَإِنْ تَعَاَسَرْتُمُ فَمَا تَرْضَعْنَ لَهَا فَالْأُخْرَى ﴿٦﴾

لِيُنْفِقَ ذُو سَعَةٍ مِّن سَعَتِهِ وَمَنْ قُدِرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُ
فَلْيُنْفِقْ مِمَّا آتَاهُ اللَّهُ لَا يَكْفُلُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا
مَاءً آتَاهَا لِيُنْفِقَ اللَّهُ بَعْدَ عُسْرٍ ﴿٧﴾

وَكَأَيِّن مِّن قَرْيَةٍ عَتَتْ عَنْ أَمْرِ رَبِّهَا وَرُسُلِهِ
فَلْيَأْسَأِبْنَهَا جَسَابًا شَدِيدًا وَعَدَّ بِهَا عَذَابًا ذُكِّرُوا ﴿٨﴾

teliti, serta Kami akan mengazab mereka dengan azab yang sangat dahsyat.

9. Maka mereka merasai kesan buruk daripada perbuatannya, dan akibat perbuatan mereka adalah satu kerugian yang besar.
10. Allah menyediakan untuk mereka azab yang sangat dahsyat. Maka bertakwalah kepada Allah, wahai orang yang berakal sempurna daripada kalangan orang yang beriman. Sesungguhnya Allah telah menurunkan peringatan kepada kamu.
11. (Dengan mengutuskan) seorang Rasul (Muhammad s.a.w) yang membacakan kepada kamu ayat-ayat Allah yang menerangkan kebenaran, supaya Allah mengeluarkan orang yang beriman dan beramal soleh daripada kegelapan (kesesatan) kepada cahaya (hidayah). Dan sesiapa yang beriman kepada Allah dan melakukan kebaikan, Allah akan memasukkannya ke dalam syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai. Mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Sesungguhnya Allah telah mengurniakan kepadanya rezeki yang baik.
12. Allah Yang menciptakan tujuh lapisan langit dan bumi (tujuh lapisan) seperti itu. Perintah

فَدَاقَّتْ وَيَا أَمْرَهَا وَكَانَ عَاقِبَةُ أَمْرِهَا خُسْرًا ﴿٩﴾

أَعَدَّ اللَّهُ لَهُمْ عَذَابًا شَدِيدًا فَاتَّقُوا اللَّهَ يَا أُولِي الْأَلْبَابِ الَّذِينَ ءَامَنُوا قَدْ أَنْزَلَ اللَّهُ إِلَيْكُمْ ذِكْرًا ﴿١٠﴾

رَسُولًا يَتْلُو عَلَيْكُمْ ءَايَاتِ اللَّهِ مُبَيِّنَاتٍ لِيُخْرِجَ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ وَمَنْ يُؤْمِنْ بِاللَّهِ وَعَمَلْ صَالِحًا يَدْخُلْهُ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا قَدْ أَحْسَنَ اللَّهُ لَهُ رِزْقًا ﴿١١﴾

اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ سَبْعَ سَمَاوَاتٍ وَمِنَ الْأَرْضِ مِثْلَهُنَّ يَتَنَزَّلُ الْأَمْرُ بَيْنَهُنَّ لِتَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ

Allah itu berlaku terus menerus di antara alam langit dan bumi. Supaya kamu mengetahui sesungguhnya Allah Maha Berkuasa atas setiap sesuatu, dan sesungguhnya ilmu Allah itu meliputi setiap sesuatu.

عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَأَنَّ اللَّهَ قَدَّاحٌ
بِكُلِّ شَيْءٍ عَالِمٌ ﴿١٢﴾

